



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## TURUN PADANG SEMPENA HARI PERTAMA PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP) KRISMAS 2023

**KUANTAN, 23 NOVEMBER 2023** - YB Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan lawatan turun padang bagi membuat tinjauan di lapangan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2023 yang berkuat kuasa mulai hari ini iaitu 23 Disember sehingga 27 Disember 2023 seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 21 Disember 2023. Tempoh pelaksanaan adalah selama 5 hari iaitu 2 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 2 hari selepas perayaan.

Sebanyak 14 jenis barangan yang diwartakan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2023 dan senarai barangan bagi adalah seperti berikut:

- (i) Daging Kambing Biri-Biri Bertulang Import;
- (ii) Tomato;
- (iii) Lada Benggala Hijau;
- (iv) Kubis Bulat Import (China dan Indonesia);
- (v) Lobak Merah;
- (vi) Cili Merah;
- (vii) Ubi Kentang Import (China);
- (viii) Bawang Merah Besar Import;
- (ix) Bawang Kuning Besar;
- (x) Ayam Tua Hidup (Dikawal di Sarawak);
- (xi) Kepak Ayam;
- (xii) Babi Hidup (Dikawal peringkat ladang);
- (xiii) Daging Babi (Perut), dan;
- (xiv) Daging Babi (Daging dan Lemak).

} Dikawal di Sarawak,  
Sabah dan  
WP Labuan

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2023 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat ke atas peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan bekerjasama dengan melakukan pemantauan untuk memastikan keberadaan bekalan barangan adalah mencukupi. Semakan harga boleh dibuat melalui website Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di <https://www.kpdn.gov.my>.

Penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan dari industri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi di bawahnya dan input data yang dikutip oleh Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN).

Untuk makluman, seramai 2,200 orang anggota Penguat Kuasa KPDN Bersama-sama 900 Pegawai Pemantau Harga KPDN di seluruh negara telah ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan. Pelaksanaan penugasan di lapangan membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan di mana tindakan segera dapat diambil terhadap aduan pengguna dan tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:
  - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
  - (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

- (ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:
  - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
  - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

KPDN meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan melalui saluran seperti Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>, Call Centre 1-800-886-800, Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN dan Whatapps 019 279 4317.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH,**  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP.